

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pembaharuan-pembaharuan yang dirancang untuk penjadian dan pembangunan modal insan murid-murid di peringkat sekolah menengah. Sejauh manakah program-program TVET yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan telah berjaya melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi memenuhi pasaran buruh tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) mulai tahun 2012 bagi mengangkat martabat pendidikan vokasional sebagai aliran perdana. Matlamat TPV adalah untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri di dalam negara serta memfokus kepada kemenjadian dan pembangunan modal insan murid di peringkat sekolah menengah. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan sentiasa menambah baik ekosistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi memastikan pelajar dan graduan yang dihasilkan adalah menepati keperluan pasaran terutamanya dalam era Industri 4.0.

Berikutan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan sedang melaksanakan pelbagai pembaharuan bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi di seluruh negara. Antaranya adalah:

1. Pembangunan kurikulum TVET mesti melibatkan pandangan dan kepakaran industri untuk mendapat input yang berkaitan dengan standard dan piawaian yang diperlukan oleh industri;
2. Hubungan kolaborasi dan kerjasama strategik dengan industri telah dipertingkatkan melalui pelaksanaan MoU dengan industri; dan
3. Institusi TVET telah melantik panel penasihat di kalangan industri untuk sentiasa memberi pandangan bagi menjamin kualiti program TVET yang dilaksanakan.

Kerajaan juga terus komited dalam memperkasakan TVET dan ini dibuktikan apabila Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemerksaan TVET (JKKPTVET) yang akan merentasi sembilan (9) kementerian termasuk Kementerian Sumber Manusia. Tujuan jawatankuasa ini adalah sebagai badan penasihat kepada Kerajaan untuk pembangunan aliran TVET negara selain turut membahaskan isu-isu semasa negara berkaitan TVET. Jawatankuasa Teknikal TVET pula dipengerusikan dan dianggotai oleh pemain-pemain industri, pegawai kanan semua kementerian dan agensi yang telah dibahagikan kepada lima kluster ialah kluster governan, industri, kualiti, pembiayaan dan penjenamaan.

Selain daripada itu, KPM juga meneruskan usaha mengarusperdanakan TVET melalui Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang bertujuan untuk memperkukuhkan sistem akreditasi program TVET secara menyeluruh. Selaras dengan ini, satu Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti Tunggal TVET telah ditubuhkan dengan dianggotai wakil daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), pelbagai Kementerian dan industri untuk menyelaraskan dasar dan proses jaminan kualiti program TVET. Bagi memastikan pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang berkesan, MQA bersama JPK di bawah KSM telah membangunkan dokumen Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation) sebagai rujukan utama dalam pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET di Malaysia.

NO. SOALAN : 30

Seiring dengan perkembangan Industri 4.0 pula, KPM juga telah menerbitkan Rangka Kerja TVET 4.0 (2018-2025) sebagai garis panduan kepada institusi TVET di bawah kementerian termasuk politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional serta *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang terdiri daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

KPM juga sentiasa bekerjasama dengan industri dalam memastikan kurikulum yang digunakan menepati keperluan industri melalui kerjasama antara Politeknik Mersing, Johor dan *Cybersecurity Malaysia* dalam membangunkan Diploma Dwi-Akreditasi Dalam Teknologi Maklumat dan Pensijilan Profesional Keselamatan Siber Global. Kerjasama Politeknik bersama *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* juga telah memanfaatkan lebih daripada 10,000 pelajar politeknik dalam program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) bagi memenuhi keperluan industri digital.

Inisiatif-inisiatif ini turut menyumbang kepada peratusan kadar kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun 2018 iaitu sebanyak 96.1% (Politeknik) bagi dan 96.5% (Kolej Komuniti). Manakala bagi program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang dilaksanakan di kolej vokasional (KV), KPM telah berjaya melahirkan graduan pertamanya bermula tahun 2016. Sehingga kini, lepasan KV mendapat sambutan yang baik oleh industri di mana graduan tahun 2016 (100%) kebolehpasaran, tahun 2017 (96.7%) dan 2018 (87.05%).

Sekian, terima kasih.